Match the following physical quantities to the correct category.

Video Tutorial
Kuantiti Fizik
Physical Quantities



Cuba jawab **Praktis Sumatif 1**, *K1: S7, K2: S3*

SP 1.1.3 Memerihalkan kuantiti terbitan dalam sebutan kuantiti asas dan unit asas S.I.

4. Lengkapkan maklumat berkenaan kuantiti-kuantiti terbitan dalam jadual di bawah. TP 3 KBAT Mengaplikasi
Complete the information on derived quantities in the table below.

Kuantiti terbitan (simbol) ***Derived quantities (symbol)***	**Rumus** ***Formula***	**Sebutan dalam kuantiti asas** ***In terms of base quantities***	**Sebutan dalam unit asas S.I.** ***In terms of S.I. base units***
Luas (*A*) *Area (A)*	Panjang (*l*) × Lebar (*l*) *Length (l) × Width (l)*	$l \times l = l^2$	$m \times m = m^2$
Isi padu (*V*) *Volume (V)*	Panjang (*l*) × Lebar (*l*) × Tinggi (*l*) *Length (l) × Width (l) × Height (l)*	$l \times l \times l = l^3$	$m \times m \times m = m^3$
Laju (*v*) *Speed (v)*	Jarak / *Distance (l)* / Masa / *Time (t)*	$\frac{l}{t}$	$\frac{m}{s} = m\ s^{-1}$
Ketumpatan (*p*) *Density((p)*	Jisim / *Mass* / Isi padu / *Volume*	$\frac{m}{l \times l \times l} = \frac{m}{l^3}$	$\frac{kg}{m^3} = kg\ m^{-3}$
Daya (*F*) *Force (F)*	$F = ma$ m = Jisim / *Mass* a = Pecutan / *Acceleration*	$m \times \frac{l}{t \times t} = \frac{ml}{t^2}$	$kg\ m\ s^{-2}$ atau / *or* *Newton* (N)

SP 1.1.4 Menerangkan dengan contoh kuantiti skalar dan kuantiti vektor.

5. Tandakan (✓) bagi elemen yang berada dalam jenis kuantiti berikut. TP 2
Mark (✓) elements that are in the following types of quantities.

Kuantiti skalar *Scalar quantities*	
Magnitud *Magnitude*	✓
Arah *Direction*	

Kuantiti vektor *Vector quantities*	
Magnitud *Magnitude*	✓
Arah *Direction*	✓

Cuba jawab **Praktis Sumatif 1**, *K2: S2*

6. Bagi setiap kuantiti dalam aktiviti harian berikut, nyatakan sama ada kuantiti tersebut adalah kuantiti skalar atau kuantiti vektor. TP 4 KBAT **Menganalisis**
For each quantity in the following daily activities, state whether the quantity is a scalar or vector quantity.

IDEA CETUS

Situasi *Situation*	**Kuantiti** *Quantity*
Air mendidih pada suhu 100°C. *Water boils at temperature of* 100 °C.	Skalar *Scalar*
Ahmad berjalan 20 m ke utara. *Ahmad walks* 20 m *to the north.*	Vektor *Vector*
Berat maksimum sebuah lori membawa muatan ialah 75 000 N. *The maximum weight of a truck carrying a load is* 75 000 N.	Vektor *Vector*
Malik mengisi 500 ml air ke dalam sebuah botol. *Malik fills* 500 ml *of water into a bottle.*	Skalar *Scalar*

Cuba jawab **Praktis Sumatif 1**, *K1: S3*

KUASAI PBD FORMATIF

1.2 Penyiasatan Saintifik
Scientific Investigation

Buku Teks ms. 8 – 11

SP 1.2.1 Mentafsir bentuk-bentuk graf untuk menentukan hubungan antara dua kuantiti.

1. Padankan graf-graf berikut mengikut tafsiran yang betul. TP 4 KBAT Menganalisis
Match the following graphs according to the correct interpretation.

IDEA CETUS

- *y* berkurang secara linear dengan *x*
  y decreases linearly with x
- *y* berkadar terus dengan *x*
  y is directly proportional to x
- *y* bertambah secara linear dengan *x*
  y increases linearly with x
- *y* berkadar terus dengan $\frac{1}{x}$
  y is directly proportional to $\frac{1}{x}$
- *y* bertambah dengan *x*
  y increases with x
- *y* berkadar songsang dengan *x*
  y is inversely proportional to x
- *y* berkurang dengan *x*
  y decreases with x



Cuba jawab **Praktis Sumatif 1**, *K1: S4*

SP 1.2.1

TAHAP PENGUASAAN	1	2	3	4	5	6

SP 1.2.2 Menganalisis graf untuk mendapatkan rumusan siasatan.

2. Rajah di bawah menunjukkan sebuah graf mengenai jarak sebuah bola yang sedang bergolek melawan masa.

The diagram below shows a graph of the distance of a rolling ball against time. TP 5 KBAT **Menilai**

IDEA CETUS

eP+ **Infografik** Kaedah Graf *Graphical Method*

Video Tutorial Analisis Graf *Analysis of Graph*



Berdasarkan rajah di atas,
Based on the diagram above,

(a) Apakah hubungan antara jarak bola dengan masa?
What is the relationship between the distance of the ball and time?

Jarak bola bertambah secara linear dengan masa (dibuktikan dengan ekstrapolasi ke paksi-y)

Distance of the ball increases linearly with time (proved by extrapolation to y-axis)

(b) Pada masa $t = 3$ s, jarak bola ialah 2.9 m.

At time $t = 3$ s, the distance of the ball is 2.9 m.

(c) Bola itu berada di jarak 3.6 m pada masa $t =$ 3.8 s.

The ball is at a distance of 3.6 m *at time $t =$* 3.8 s.

(d) Ramalkan jarak bola pada masa $t = 6$ s. 5.4 m

Predict the distance of the ball at time $t = 6$ s. 5.4 m

(e) Hitung kecerunan graf tersebut (dengan unit kecerunan yang betul).
Calculate the gradient of the graph (with the correct gradient unit).

$$m = \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1} = \frac{3.6 - 1.8}{3.8 - 1.6} = 0.818 \text{ m s}^{-1}$$

(f) Apakah kuantiti fizik yang diwakili oleh kecerunan graf? laju
What is the physical quantity represented by the gradient of the graph? *speed*

Cuba jawab **Praktis Sumatif 1**, *K1: S8, K2: S3*

3. Rajah di bawah menunjukkan sebuah graf halaju melawan masa bagi sebuah kereta yang sedang bergerak dari keadaan pegun.
The diagram below shows a graph of velocity against time for a moving car from stationary. TP 5 KBAT **Menilai**



Berdasarkan rajah di atas,
Based on the diagram above,

(a) Tentukan halaju kereta pada $t = 3$ s. 1.5 m s^{-1}
Determine the velocity of the car at t = 3 s. 1.5 m s^{-1}

(b) Tentukan kecerunan graf tersebut.
Determine the gradient of the graph.

$$m = \frac{y_2 - y_1}{x_2 - x_1} = \frac{5 - 0}{10 - 0} = 0.5 \text{ m s}^{-2}$$

(c) Nyatakan kuantiti fizik yang diwakili oleh kecerunan graf tersebut. Pecutan

State the physical kuantiti represented by the gradient of the graph. *Acceleration*

(d) Hitung luas di bawah graf antara $t = 4$ s dan $t = 8$ s.
Calculate the area under the graph between $t = 4$ s and $t = 8$ s.



Luas / *Area* $= \frac{1}{2}(2 + 4)(8 - 4) = 12$ m

(e) Nyatakan kuantiti fizik yang diwakili oleh luas di bawah graf tersebut. Sesaran

State the physical quantity represented by the area under the graph. *Displacement*

Cuba jawab **Praktis Sumatif 1**, *K1: S5, S6*

SP 1.2.3 Menjalankan penyiasatan saintifik dan menulis laporan lengkap melalui eksperimen bandul ringkas.

4. Susun langkah-langkah penyiasatan saintifik yang berikut dengan mengisi nombor mengikut urutan yang betul.
Arrange the following steps for scientific investigation by filling the correct number according to the correct sequence.

TP 4 KBAT **Menganalisis**

Mengenal pasti masalah. *Identify the problems.*	1
Nyatakan hipotesis. *State the hypothesis*	3
Nyatakan inferens. *State the inference.*	2
Kumpul dan jadualkan data. *Collect and tabulate the data.*	7
Senaraikan radas dan bahan. *List the materials and apparatus.*	5
Buat kesimpulan. *Draw a conclusion.*	9
Jalankan prosedur eksperimen. *Perform the experiment procedures.*	6
Analisis data. *Analyse the data.*	8
Senaraikan pemboleh ubah dimanipulasikan, pemboleh ubah bergerak balas dan pemboleh ubah dimalarkan. *List the manipulated variables, responding variables and constant variables.*	4

Video
Penyiasatan Saintifik
Scientific Investigation

Infografik
Langkah-langkah Penyiasatan Saintifik
Steps for Scientific Investigation

EW

EKsperimen Wajib

5. Rajah di bawah menunjukkan dua buah jentera berat yang digunakan untuk merobohkan bangunan dengan menghayunkan bola pemusnah. Didapati tempoh ayunan bola pemusnah lebih tinggi bagi jentera *A* berbanding jentera *B*.

The diagram below shows two heavy machinery used to destroy building by swinging a demolition ball. It is found that the oscillation period of the ball is higher for machinery A than machinery B. TP 6 KBAT **Mencipta**



Jentera *A* / *Machinery A* Jentera *B* / *Machinery B*

Video

Bandul Ringkas
Simple Pendulum

(a) Nyatakan **satu** inferens yang sesuai.
*State **one** suitable inference.*

Panjang bandul mempengaruhi tempoh ayunan bandul.

The length of the pendulum affects the period of oscillation of the pendulum.

(b) Nyatakan **satu** hipotesis yang sesuai.
*State **one** suitable hypothesis.*

Semakin bertambah panjang bandul, semakin bertambah tempoh ayunan bandul.

As the length of the pendulum increased, the period of oscillation of the pendulum increases.

Dengan menggunakan radas seperti benang, ladung, kaki retort dan jam randik, dan lain-lain radas yang sesuai, perihalkan satu eksperimen untuk menyiasat hipotesis yang dinyatakan dengan melengkapkan 5(c) hingga 5(j).
Using apparatus such as threads, pendulum bob, retort stand and stopwatch, and other suitable apparatus, describe an experiment to investigate the stated hypothesis by completing 5(c) to 5(j).

(c) Tujuan:
Mengkaji hubungan antara panjang bandul dengan tempoh ayunan bandul.

Aim:
To investigate the relationship between the length of a pendulum and the period of oscillation of a pendulum.

(d) Pemboleh ubah:
Variables:

(i) Pemboleh ubah dimanipulasikan : Panjang bandul

Manipulated variables : *Length of pendulum*

(ii) Pemboleh ubah bergerak balas : Tempoh ayunan bandul

Responding variables : *Period of oscillation of pendulum*

(iii) Pemboleh ubah dimalarkan : Jisim ladung

Constant variables : *Mass of pendulum bob*

(e) Radas dan bahan:
Apparatus and materials:

Kaki retort dengan pengapit, ladung, benang 100 cm, jam randik, pembaris meter.

Retort stand with clamp, pendulum bob, 100 cm *thread, stopwatch, metre rule*

(f) Susunan radas:
Arrangement of apparatus:



Simulasi
Bandul Ringkas
Simple Pendulum

(g) Prosedur / *Procedures:*

(i) Radas disusun seperti dalam rajah di atas.
Apparatus are set up as shown in the above diagram.

(ii) Panjang benang dilaraskan supaya panjang, l = 10.0 cm.
The thread is adjusted so that the length, l = 10.0 cm.

(iii) Bandul diayun pada sudut yang kecil (kurang dari 10°).
The pendulum is oscillated at a small angle (less than 10°*).*

(iv) Masa untuk 10 ayunan lengkap, *t* diambil menggunakan jam randik.
The time for 10 *complete oscillations, t is taken by using a stopwatch.*

(v) Tempoh bandul, *T* (masa yang diambil untuk satu ayunan lengkap) dihitung menggunakan formula berikut.
The period of the pendulum, T (the time taken for one complete oscillation) is calculated by using the following formula:

$$\text{Tempoh / } \textit{Period, } T = \frac{\text{Masa untuk 10 ayunan lengkap / } \textit{Time taken for 10 oscillations}}{10}$$

(vi) Langkah (ii) hingga (v) diulang dengan menggunakan panjang, l = 20 cm, 30 cm, 40 cm dan 50 cm.
Steps (ii) to (v) are repeated by using length, l = 20 cm, 30 cm, 40 cm, and 50 cm.

(vii) Keputusan direkodkan dalam jadual berikut dan graf tempoh, *T* melawan panjang, l diplot.
The results are recorded in the following table and a graph of period, T against length, l *is plotted.*

(h) Penjadualan data: / *Tabulation of data:*

Panjang bandul *Length of pendulum,* l **(cm)**	**Masa diambil untuk 10 ayunan** *Time taken for* **10** *oscillations*			**Tempoh** *Period* $T = \frac{t}{10}$ (s)
	t_1 (s)	t_2 (s)	$t = \frac{t_1 + t_2}{2}$ (s)	
10				
20				
30				
40				
50				

*Jawapan dari eksperimen yang dijalankan

(i) Analisis data: / *Analysis of data:*



Simulasi

Plot Selerak
Scatter Plot

(j) Kesimpulan: / *Conclusion:*

Semakin bertambah panjang bandul, semakin bertambah tempoh ayunan.

When the length of the pendulum *increases*, *the period of oscillation* *increases*.

KERTAS 1

1. Antara berikut, yang manakah **bukan** unit S.I. bagi suatu kuantiti asas? SP 1.1.1
*Which of the following is **not** the S.I. unit for base quantities?*

A gram / *gram*
B saat / *second*
C candela / *candela*
B mol / *mol*

2. Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 menunjukkan bacaan jam randik untuk menaikkan suhu air sebanyak 10°C bagi dua isi padu air yang berbeza. SP 1.2.3
The diagram 1.1 and Diagram 1.2 show the reading of the stopwatch to raise the water temperature by 10°C of two different volumes of water.



Rajah 1.1 / *Diagram 1.1*
Rajah 1.2 / *Diagram 1.2*

Apakah inferens yang boleh dibuat?
What inferences can be made?

A Suhu bergantung kepada masa.
Temperature depends on time.
B Masa bergantung kepada kenaikan suhu air.
Time depends on the raise in water temperature.
C Isi padu air bergantung kepada masa.
Volume of water depends on time.
D Kenaikan suhu air bergantung kepada isi padu air.
The raise in water temperature depends on the volume of water.

3. Antara kuantiti berikut, yang manakah merupakan kuantiti skalar? SP 1.1.4
Which of the following quantities is a scalar quantity?

A Laju / *Speed*
B Daya / *Force*
C Pecutan / *Acceleration*
D Berat / *Weight*

4. Antara graf berikut, yang manakah menunjukkan hubungan *y* berkadar songsang dengan *x*? SP 1.2.1
Which of the following graphs shows relationship of y inversely proportional to x?



5. Rajah 2 menunjukkan sebuah graf halaju melawan masa. SP 1.2.2
Diagram 2 shows a graph of velocity against time.



Rajah 2 / *Diagram 2*

Tentukan kecerunan graf tersebut.
Determine the gradient of the graph.

A 1.0 m s^{-2}
B 0.5 m s^{-2}
C –1.0 m s^{-2}
D –0.5 m s^{-2}

6. Graf dalam Rajah 3 menunjukkan hubungan antara halaju dan masa bagi sebuah objek. SP 1.2.2
Graph in Diagram 3 shows the relationship between the velocity and time for an object.



Rajah 3 / *Diagram 3*

Antara pernyataan berikut, yang manakah benar?
Which of the following statement is true?

A Halaju objek pada $t = 0$ s ialah 1 m s^{-1}.
The velocity of the object at $t = 0$ s is 1 m s^{-1}.

B Objek tersebut berhenti selama 2 saat.
The object stops for 2 seconds.

C Selepas $t = 3$ s, objek bergerak pada berlawanan arah.
After $t = 3$ s, object moves in the opposite direction.

D Nyahpecutan objek tersebut pada 2 saat pertama ialah 2 m s^{-2}.
The deceleration of the object for the first 2 seconds is 2 m s^{-2}.

7. Antara berikut, yang manakah kuantiti asas?
Which of the following is a base quantity? SP 1.1.2

A Laju
Speed

B Luas
Area

C Kuantiti jirim
Quantity of matter

D Daya
Force

8. Rajah 4 menunjukkan satu anak panah yang digunakan oleh seorang pelajar dalam suatu eksperimen untuk menentukan nilai v^2 bagi jisim anak panah yang berbeza, m. Hubungan pemboleh ubah dalam eksperimen diberikan oleh: SP 1.1.3

Diagram 4 shows a bow used by a student in an experiment to determine the value of v^2 for different arrow masses, m. The relationship of the variables in the experiment is given by:

$$Fs = mv^2$$

dengan keadaan *such that*

m = Jisim / *Mass*
v = Halaju anak panah / *Velocity of arrow*
F = Daya tarikan / *Pulling force*
s = Jarak regangan / *Extension distance*



Rajah 4 / *Diagram 4*

Antara pernyataan berikut, yang manakah benar mengenai eksperimen ini?
Which of the following statements is true about this experiment?

A Kecerunan graf v^2 melawan $\frac{1}{m}$ adalah sama dengan nilai F.
The gradient of v^2 graph against $\frac{1}{m}$ is equal to the value of F.

B Halaju anak panah bertambah apabila jisim anak panah meningkat.
The velocity of the arrow increases as the mass of the arrow increases.

C Hasil darab F dan s sentiasa tetap bagi jisim anak panah yang berbeza.
The product of F and s will always be constant for different masses of arrows.

D Apabila F bertambah, s bertambah.
As F increases, s increases.

9. Antara berikut, yang manakah **bukan** kuantiti asas? SP 1.1.2
*Which of the following is **not** a base quantity?*

A Berat / *Weight*

B Suhu / *Temperature*

C Arus elektrik / *Electric current*

D Masa / *Time*

KERTAS 2

Bahagian A

Klu Soalan

1. (c) Tentukan rumus bagi berat. Tuliskan unit S.I. bagi setiap kuantiti fizik yang terdapat dalam rumus tersebut.
Determine the formula of weight. Write the S.I. unit of each physical quantity in the formula.

1. Rajah 1 menunjukkan sebuah beban digantung pada neraca spring.
Diagram 1 shows a load suspended on the spring balance.



Rajah 1 / *Diagram* 1

(a) Nyatakan kuantiti fizik yang ditunjukkan pada neraca spring tersebut. SP 1.1.2
State the physical quantity shown on the spring balance.

Berat / *Weight*

[1 markah / *1 mark*]

(b) (i) Gariskan perkataan dalam kurungan bagi membentuk pernyataan yang betul. SP 1.1.2
Underline the words in the bracket to form a correct statement.
Bacaan yang ditunjukkan pada neraca spring salah satu contoh kuantiti (asas / terbitan).
The reading shown on the spring balance is one of the examples of a (base / derived) quantity.

[1 markah / *1 mark*]

(ii) Berikan **satu** justifikasi bagi jawapan anda di (b)(i) SP 1.1.2
*Give **one** justification for you answer in (b)(i).*

Gabungan lebih dari satu kuantiti asas / *Combination of more than one base quantity*

[1 markah / *1 mark*]

(c) Ungkapkan unit yang ditunjukkan pada Rajah 1 dalam unit S.I.. SP 1.1.3
Express the unit shown in Diagram 1 in S.I. unit.

Berat / *Weight* = Jisim × Kekuatan medan graviti
Mass × Gravitational field strength
$= \text{kg} \times \text{m s}^{-2}$
$= \text{kg m s}^{-2}$

[2 markah / *2 marks*]

2. Rajah 2 menunjukkan sebuah alat pengukuran yang digunakan untuk mengukur kadar pengaliran cas dalam sebuah litar elektrik.
Diagram 2 shows a measuring instrument used to measure the rate of flow of charge in an electrical circuit.



Rajah 2 / *Diagram* 2

(a) Namakan alat pengukuran tersebut. SP 1.2.3
Name the measuring instrument.

Miliammeter / *Miliammeter*

[1 markah / *1 mark*]

(b) Tandakan (✓) pada kotak dengan jawapan yang betul.
Mark (✓) the box with the correct answer.

(i) Jenis kuantiti yang diukur oleh alat pengukuran tersebut ialah SP 1.1.4
The type of quantity measured by the measuring instrument is

✓	kuantiti skalar. *scalar quantity.*		kuantiti vektor. *vector quantity.*

[1 markah / *1 mark*]

(ii) Nilai bacaan yang betul yang ditunjukkan alat pengukuran tersebut ialah SP 1.2.3
The correct reading shown by the measuring instrument is

✓	0.2 A.		2 A.

[1 markah / *1 mark*]

(c) Namakan kuantiti fizik yang diukur oleh alat pengukur tersebut. SP 1.1.1
Name the physical quantity measured by the instrument.

Arus elektrik

Electric current

[1 markah / *1 mark*]

Bahagian B

Klu Soalan

3. (b)(i) Pastikan anda menulis kuantiti fizik dan bukannya nilai atau unit bagi kuantiti tersebut.
Make sure you write the physical quantity and not the value or the unit for that quantity.

(c) Strategi menjawab soalan membuat keputusan: / *Strategies to answer decision making questions:*
1. Fahami situasi yang diberikan. / *Understand the given situation.*
2. Bagi setiap ciri, pilih satu yang paling sesuai dan berikan justifikasi. / *For each feature, choose one which is the most suitable and give justification.*
3. Pilih satu alat yang paling sesuai yang memenuhi kesemua ciri yang dipilih. / *Choose the most suitable tool that met all the selected features.*

(d)
1. Lakukan ekstrapolasi untuk mendapatkan maklumat diluar garis graf. / *Perform extrapolation to get information outside the graph line.*
2. Pastikan jawapan bagi kecerunan graf mempunyai unit yang betul. / *Ensure the answer for the gradient of the graph has the correct unit.*

$$\text{Unit kecerunan} = \frac{\text{Unit paksi-y}}{\text{Unit paksi-x}}$$

$$\textit{Gradient's unit} = \frac{\textit{y-axis unit}}{\textit{x-axis unit}}$$

3. (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan kuantiti asas? SP 1.1.1
What is meant by base quantity?

[1 markah / *1 mark*]

(ii) Apakah yang dimaksudkan dengan kuantiti terbitan? SP 1.1.1
What is meant by derived quantity?

[1 markah / *1 mark*]

(b) Rajah 3.1 menunjukkan label yang terdapat pada bungkusan jus epal. Terdapat beberapa kuantiti fizik yang ditunjukkan pada label tersebut.
Diagram 3.1 *shows a label found on an apple juice package. There are several physical quantities shown on the label.*



Rajah 3.1 / *Diagram* 3.1

Berdasarkan Rajah 3.1,
Based on Diagram 3.1,

(i) kelaskan semua kuantiti fizik kepada kuantiti asas dan kuantiti terbitan. SP 1.1.2 KBAT Menganalisis
classify all the physical quantities into base quantities and derived quantities.

[4 markah / *4 marks*]

(ii) unit bagi isi padu jus mengandungi suatu imbuhan. Nyatakan nilai bagi imbuhan tersebut. SP 1.1.2
the unit for the volume of the juice contains a prefix. State the value of the prefix.

[1 markah / *1 mark*]

(c) Jadual 3 menunjukkan ciri-ciri empat termometer *W, X, Y* dan *Z*. SP 1.2.3 KBAT Menilai
Table 3 *shows the features of four types of thermometers W, X, Y, and Z.*

Jadual 3 / *Table* 3

Termometer *Thermometer*	**Senggatan terkecil** *Smallest division*	**Julat suhu** *Temperature range*	**Cecair dalam termometer** *Liquid in the thermometer*	**Warna cecair** *Liquid colour*
W	5°C	35°C – 45°C	Alkohol *Alcohol*	Lut sinar *Transparent*
X	1°C	–5°C – 100°C	Merkuri *Mercury*	Legap *Opaque*
Y	1°C	35°C – 43°C	Merkuri *Mercury*	Legap *Opaque*
Z	5°C	–5°C – 100°C	Alkohol *Alcohol*	Lut sinar *Transparent*

Kaji dan terangkan setiap ciri bagi keempat-empat termometer tersebut. Tentukan termometer yang paling sesuai digunakan di klinik untuk mengukur suhu badan pesakit.
Study and explain each feature of the four themometers. Determine the most suitable thermometer to be used in a clinic to measure the body temperature of a patient.

[10 markah / *10 marks*]

(d) Rajah 3.2 menunjukkan graf suhu, θ melawan masa pemanasan, t bagi 100 ml air.
Diagram 3.2 shows a graph of temperature, θ against heating time, t for 100 ml of water.



Rajah 3.2
Diagram 3.2

Berdasarkan graf,
Based on the graph,

(i) tentukan suhu awal air tersebut. SP 1.2.2
determine the initial temperature of the water.

[1 markah / *1 mark*]

(ii) hitung kecerunan graf tersebut. SP 1.2.2
calculate the gradient of the graph.

[2 markah / *2 marks*]

Bahagian C

Klu Soalan

4. (d) Modifikasi boleh melibatkan aspek-aspek seperti senggatan skala, dinding bebuli, saiz kapilari dan julat suhu. Berikan justifikasi bagi setiap modifikasi.
Modifications can involve aspects such as scale's division, bulb walls, size of capillary and temperature range. Provide justification for each modification.

4. Jadual 4 menunjukkan dua buah alat pengukuran yang digunakan untuk mengukur diameter sekeping duit syiling. / *Table 4 shows two measuring instruments used to measure the diameter of a coin.*

Jadual 4 / *Table 4*

	Alat pengukuran *A* ***Measuring instrument A***	**Alat pengukuran *B*** ***Measuring instrument B***
Ciri-ciri ***Characteristics***		
Senggatan terkecil ***Smallest division***	0.01 cm	0.01 mm
Julat / ***Range***	0.00 cm – 15.00 cm	0.00 mm – 25.00 mm
Kepekaan / ***Sensitivity***	Tinggi / *High*	Sangat tinggi / *Very high*

(a) Namakan kedua-dua alat pengukuran tersebut. SP 1.1.1
Name both measuring instruments.

[2 markah / *2 marks*]

(b) Berdasarkan Jadual 4, bandingkan senggatan terkecil, julat serta kepekaan kedua-dua alat pengukuran tersebut. Seterusnya, nyatakan hubung kait antara senggatan terkecil dengan kepekaan alat pengukuran tersebut. SP 1.1.1 KBAT Menganalisis
Based on Table 4, compare the smallest scale, range and sensitivity for both measuring instruments. Then, state the relationship between the smallest division and the sensitivity of the measuring instruments.

[4 markah / *4 marks*]

(c) Terangkan mengapa pengukuran diameter syiling diulang beberapa kali. SP 1.2.3
Explain why the measurement of the coin's diameter was repeated a few times.

[4 markah / *4 marks*]

(d) Rajah 4 menunjukkan sebuah termometer yang digunakan untuk mengukur kenaikan suhu air apabila dipanaskan. Anda diminta mengubah suai termometer tersebut agar pengukuran yang dibuat lebih tepat dan jitu. SP 1.1.1 KBAT Mencipta
Diagram 4 shows a thermometer used to measure the rise in temperature of water when heated. You are required to modify the thermometer so that the measurement made are more accurate and precise.



Rajah 4 / *Diagram 4*

[10 markah / *10 marks*]

Aplikasi KBAT

POT
Enrolment key ▼
kua$AIP&4